

# USIM disaran jadikan UIA penanda aras

Seperti yang kita sedia maklum Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menggunakan bahasa Inggeris dan Arab sepenuhnya ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pelajar diwajibkan belajar dan menjawab peperiksaan dalam bahasa Inggeris.

Galakan yang diberikan membuatkan pelajar yang tidak mempunyai penguasaan kukuh mampu untuk menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik kerana polisi UIAM yang mewajibkan semua pelajar untuk menjawab ujian dalam bahasa Inggeris.

Namun, mohon penjelasan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhubung isu ini kerana membenarkan pelajar sarjana menjawab ujian dalam bahasa Melayu pada peperiksaan akhir semester.

Adakah bahasa Inggeris hanya wajib untuk penuntut sarjana muda saja?

Pelajar harus disokong dan bukan terus mengelak untuk belajar bahasa Inggeris. Mungkin pihak berkenaan di USIM boleh menjadikan UIA sebagai penanda aras, percayalah dengan galakan dan sokongan, pelajar akan mampu menjawab dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan baik.

Saya mohon penjelasan USIM berkenaan perkara ini dan utamakan bahasa pengantar sebagai identiti pusat pengajian tinggi itu.

**Kakak prihatin**

Nilai